

05/11/2001

Usaha Jaij uji pengantin patut dicontohi

KUALA LUMPUR, Ahad - Usaha Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) mengenakan ujian HIV/Aids terhadap pasangan yang ingin berkahwin di negeri itu, patut dijadikan contoh Jabatan Agama Islam negeri lain kerana majoriti mereka yang dijangkiti HIV adalah dari kalangan orang Islam.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, berkata usaha yang dilakukan Jaij itu adalah antara satu cara mencegah jangkitan HIV/Aids terutama kepada bayi yang baru lahir.

"Niat mereka (Jaij) adalah baik dan ia patut dijadikan teladan kepada jabatan agama yang lain kerana pada masa kini, kita nampak majoriti mereka yang dijangkiti adalah terdiri dari penganut agama Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Awam Kesihatan Lelaki di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan yang ditetapkan kerajaan Johor mengenai penguatkuasaan ujian HIV/Aids terhadap semua bakal pengantin, mulai 13 November depan.

Ditanya mengenai penjelasan yang diberikan Jaij semalam iaitu memberi pilihan kepada pasangan yang ingin berkahwin di Johor melakukan ujian itu dan bukan mewajibkannya, Chua berkata, beliau mengalu-alukan langkah berkenaan.

"Saya berharap mereka dapat bekerjasama dengan kementerian, Majlis Aids Malaysia dan badan sukarela lain untuk meningkatkan kefahaman di kalangan orang Islam mengenai ancaman virus ini," katanya.

Semalam, Jaij menjelaskan perkataan mandatori bagi ujian berkenaan tidak bermakna bakal pengantin dipaksa menjalani ujian HIV tetapi jabatan berkenaan akan menggalakkan mereka berbuat demikian.

Bagaimanapun, Jaij tidak akan memikul tanggungjawab dan risiko bagi pasangan yang ingin meneruskan perkahwinan tanpa mengambil ujian berkenaan.

Sementara itu, Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir turut menarik nafas lega selepas mendengar penjelasan Jaij mengenai isu berkenaan.

"MAM gembira mendengar perkara ini kerana apa yang lebih penting adalah kaunseling yang baik diberikan kepada masyarakat," katanya ketika dihubungi di sini.

Sebelum ini, MAM menyokong niat Jaij dalam usaha mencegah jangkitan virus itu dari merebak tetapi MAM mendakwa Jabatan Kesihatan Johor menyerahkan analisis lemah berkaitan pelaksanaan ujian berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Chua turut menjelaskan jumlah mereka yang dijangkiti HIV/Aids di kalangan bayi baru lahir, mencecah 5,000 orang pada tahun lalu.

"Kita sudah mewajibkan pemeriksaan virus itu di kalangan ibu hamil yang mana setakat ini seramai 730,000 sudah menjalani pemeriksaan berkenaan," katanya.

(END)